



**TEKS UCAPAN OLEH
YB. DATO' DR. XAVIER JAYAKUMAR
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

BERSEMPENA

**PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN REHABILITASI
MELALUI PENANAMAN POKOK DI KOLAM TADAHAN
TAMAN BANDAR BOTANIK, KLANG, SELANGOR**

5 JANUARI 2020

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis.

YB TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI,
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli;

Y.B. TUAN DR. GUNARAJAH A/L R GEORGE,
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sentosa;

Y.B. TUAN MOHD ZAWAWI BIN AHMAD MUGHNI,
Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Kandis;

**YANG AMAT DIHORMATI, DATO' SETIA DIRAJA DATO' ABDUL
GHANI BIN HAJI PATEH AKHIR,**
Orang Besar Daerah Klang;

YBHG. DATUK ZURINAH PAWANTEH,
Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli;

YBRS. TUAN HAJI MOHD ZAINAL BIN MOHD NOR,
Pegawai Daerah Klang;

YBHG. DATO' MOHD RIDZA BIN AWANG,
Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia;

YBHG. DATO' DR ABD LATIF MOHMOD,
Ketua Pengarah Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM);

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (akan dimasukkan kemudian)

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan dan Ketua-ketua Jabatan Negeri dan Daerah Klang;

Ahli-ahli Majlis Perbandaran Klang;

Pemimpin-pemimpin Masyarakat

Wakil-wakil media

YBhg. Dato-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

Salam Sejahtera dan Selamat Pagi

Pertama saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih di atas kehadiran Y.B. Tuan Dr. Gunarajah A/L R George, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sentosa, Y.B. Tuan Mohd Zawawi bin Ahmad Mughni, Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Sungai Kandis dan Y.A.D. Dato' Setia Diraja Dato' Abdul Ghani bin Haji Pateh Akhir, Orang Besar Daerah Klang ke Program Restorasi, Tebus Guna Dan Rehabilitasi Di Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik, Klang pada pagi ini.

2. Saya juga ingin merakamkan ucapan ribuan terima kasih kepada pihak Majlis Perbandaran Klang (MPK) kerana telah sudi untuk bekerjasama dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) dalam melaksanakan program ini. KATS amat menghargai keprihatinan pemimpin-pemimpin masyarakat serta Pihak Berkuasa Tempatan khususnya Daerah Klang dalam hal berkaitan dengan kemampunan alam sekitar khususnya terhadap kepentingan hutan yang merupakan khazanah negara yang amat berharga. Tidak lupa juga saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada para hadirin, di atas kehadiran

dan sokongan anda semua dalam menjayakan program pertama KATS pada tahun 2020 ini.

Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

3. Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan sumber semula jadi khususnya khazanah hutan di mana hutan hujan tropika di negara ini mempunyai pelbagai spesies flora dan fauna. Adalah dianggarkan terdapat lebih daripada 4,000 spesies pokok daripada lebih kurang 100 famili di Malaysia. Seperti mana yang kita sedia maklum, hutan dan kawasan hijau yang dilitupi pokok-pokok memainkan peranan penting dalam memberikan perkhidmatan ekosistem antara lainnya dalam memastikan kestabilan ekosistem, sebagai kawasan teduhan yang turut berfungsi sebagai habitat kepada hidupan liar dan burung, kawasan tадahan air dan penyerap karbon yang baik.

4. Menyedari kepentingan kawasan berhutan, Malaysia telah menyatakan komitmen untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada keluasan tanah negara supaya dilitupi pokok-pokok dan kawasan berhutan semasa Sidang Kemuncak Bumi di Rio de Janeiro pada 1992. Pencapaian negara dalam mengekalkan lebih daripada 50% daripada keluasan negara sebagai kawasan berhutan pada hari ini menunjukkan bahawa Malaysia komited dalam memelihara alam sekitar dan sumber aslinya.

5. Dalam hal ini, pelbagai usaha telah dilaksanakan oleh KATS untuk memelihara dan memulihara kawasan berhutan, antara lainnya melalui pelaksanaan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia. Program ini dilaksanakan menerusi Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan

kerjasama pelbagai agensi berkaitan seperti Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Di bawah program ini, kawasan seluas 4,750 hektar telah dikenal pasti sebagai kawasan hutan terosot yang sesuai untuk dipulihkan.

Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

6. Pepatah Cina ada menyebutkan "**The best time to plant a tree was 20 years ago. The next best time is today**". Oleh yang demikian, saya percaya bahawa berhimpunnya kita semua pada hari ini adalah atas dasar dan niat yang sama iaitu untuk mencipta dan membina kehidupan yang lebih baik untuk masa hadapan yang akan memberi manfaat kepada generasi kini dan akan datang. Justeru, usaha penanaman pokok perlu sentiasa diteruskan dan seboleh mungkin, kawasan hutan dan kawasan dilitupi pokok-pokok perlu dikekalkan kewujudannya walaupun di tengah-tengah kepesatan arus pembangunan.

7. Ini kerana, bagi penduduk di kawasan bandar, hutan di kawasan bandar atau hutan bandar memainkan pelbagai peranan penting antara lainnya dalam menyediakan kawasan hijau yang berkualiti bagi mengimbangi binaan batu dan struktur lain yang mendominasi landskap bandar. Hutan bandar termasuk hutan rekreasi dan kawasan-kawasan hijau lain yang menampung tumbuh-tumbuhan sama ada yang ditanam atau yang sedia ada membawa impak yang signifikan terhadap persekitaran dan kualiti hidup manusia. Kawasan hijau bukan sahaja merupakan kawasan untuk aktiviti riadah malah pada hari ini umum telah memahami manfaatnya kepada persekitaran dan pembangunan minda manusia.

8. Selain itu, hutan bandar juga memainkan peranan dalam kawalan iklim mikro kerana tumbuhan-tumbuhan boleh menyerap gas bukan organik dan organik seperti nitrogen oksida, ammonia, dan sulfur dioksida, serta bertindak sebagai penapis semulajadi untuk membebaskan oksigen yang segar untuk kehidupan kita. Tumbuh-tumbuhan di dalam bandar juga boleh menyeimbangkan kesan iklim dengan mengurangkan kepanasan dan meningkatkan kelembapan relatif.

Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian.

9. Program Restorasi, Tebus Guna dan Rehabilitasi melalui Penanaman Pokok di Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik, Klang, Selangor yang diadakan pada hari ini adalah bertujuan untuk memperindahkhan dan menghijaukan kawasan persekitaran Kolam Tadahan Taman Bandar Botanik, Klang, Selangor dengan pokok-pokok yang bersesuaian. Ia juga merupakan usaha Kementerian untuk melaksanakan kempen secara berterusan bagi menyemai sikap tanggungjawab dan cintakan kehijauan dan alam sekitar selain daripada mempromosikan Pokok Kebangsaan iaitu Pokok Merbau dan pokok-pokok spesies hutan kepada masyarakat awam.

10. Untuk makluman semua, pada hari ini, sebanyak 140 pokok daripada 36 spesies pokok hutan yang akan ditanam di sekitar kawasan ini. Hampir semua daripada pokok-pokok yang ditanam ini adalah pokok-pokok yang dipamerkan dalam Pameran 'Hutan Kita'. Pameran tersebut telah diadakan pada 23 Ogos 2019 sehingga 22 September 2019 bagi mempamerkan kekayaan khazanah biodiversiti flora dan fauna yang terdapat di hutan negara terutamanya usaha-usaha yang telah dijalankan dan akan terus dijalankan di dalam menjaga, memelihara dan memulihara hutan. YAB

Perdana Menteri telah merasmikan Pameran tersebut pada 23 Ogos 2019 di Menara Kuala Lumpur dan seterusnya mengisytiharkan Pokok Merbau (*Intsia palembanica*) sebagai Pokok Kebangsaan. Seramai 30,324 orang pengunjung tempatan dan luar negara telah mengunjungi pameran ini.

11. Selain daripada Pokok Merbau, pokok-pokok lain yang ditanam termasuklah Keruing neram, Meranti melantai, Penaga lilin, Bungor, Tampoi dan Tualang. Pokok-pokok ini telah dipindahkan secara sementara selepas Pameran ‘Hutan Kita’ tamat ke Tapak Semaian Pusat Latihan Perhutanan Sungai Buloh, Selangor dan dipindahkan ke sini untuk ditanam pada hari ini. Pokok-pokok ini merupakan pokok-pokok hutan yang ikonik di seluruh negara dan mempunyai keunikan tersendiri yang perlu dihayati. Dalam jangka masa panjang, pokok-pokok yang ditanam ini boleh menjadi tedyuhan kepada pengunjung kawasan ini serta menambah nilai kekayaan ekologi dan kepelbagaian biodiversiti di kawasan ini.

12. Oleh itu, kawasan ini dilihat berpotensi tinggi untuk menjadi kawasan riadah yang boleh menggalakkan penduduk setempat melakukan pelbagai aktiviti serta meningkatkan interaksi sosial terutamanya penduduk sekitar dari Taman Sentosa, Taman Bandar Botanik dan Taman Bandar Puteri. Besarlah harapan saya agar kita sama-sama dapat menjaga kawasan ini dengan baik terutamanya daripada segi kebersihan dan pemeliharaan pokok-pokok yang telah ditanam ini agar ianya dapat dinikmati oleh semua pihak.

Yang Berhormat Dato'-Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan yang saya hormati sekalian

13. Sebelum saya ingin mengakhiri ucapan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada pihak urusetia daripada Kementerian, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Institut Penyelidikan Perhutanan

Malaysia, Majlis Perbandaran Klang, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dan semua jabatan serta agensi yang terlibat yang telah bertungkus lumus untuk menjayakan program pada hari ini. Saya juga amat menghargai masa yang diluangkan oleh YBhg. Dato-dato', Tuan-tuan dan Puan-puan untuk menghadiri program ini.

14. Adalah diharapkan agar program ini akan dapat mencapai objektifnya dan memberi manfaat kepada penduduk setempat dalam jangka masa panjang. Dalam hal ini, Kementerian amat komited untuk meneruskan dan meningkatkan lagi usaha-usaha seperti ini masa akan datang terutamanya dalam memelihara dan memulihara khazanah hutan negara demi kepentingan generasi pada hari ini dan masa hadapan.

Sekian, terima kasih.